

U GB 03-10 00203. BA814

bah

MAHATHIR: SOAL BAHASA BUKAN LAGI MENJADI ISU (NON-ISSUE)

Mahathir - bahasa

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak tahu motif pihak-pihak yang membangkitkan isu mengenai bahasa Melayu sedangkan perkara itu tidak lagi menjadi persoalan.

+Rakyat sendiri tidak menyoal perkara ini...mereka faham akan tempat bahasa Melayu serta kedudukan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain di negara ini dan tidak harus (ianya) dipertikaikan lagi,+ kata Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata kebebasan akhbar di negara ini tidak menghalang akhbar daripada menimbulkan soal itu tetapi beliau berharap mereka mengutamakan kepenyingan negara.

+Kalau akhbar berasa bertanggungjawab dan kalau tidak ada isu lain melainkan hendak bangkitkan perkara ini kerana sebab-sebab tertentu, terpulanglah kepada mereka.. kita ada kebebasan akhbar .

+Tapi kita percayawartawan dan editor bertanggungjawab, bukan semata-mata untuk menjual suratkhbar tetapi kerana ada kepentingan negara yang harus diambil kira,+ katanya sebagai mengulas satu sirilaporan yang disiarkan oleh akhbar Utusan Malaysia baru-baru ini yang menyaran supaya radio dan televisyen di negara ini tidak lagi menyiarkan iklan dalam bahasa Inggeris. -- Lagi

▼03/10/15-33MST

U GB 03-10 00213 BA819

bah

Mahathir - Bahasa 2 Kuala Lumpur

Majlis Tertinggi membincangkan panjang lebar mengenai polemik bahasa dalam akhbar itu, yang turut mempersoalkan wawancara Dr Mahathir dalam bahasa Inggeris dengan sebuah stesen televisyen swasta Indonesia semasa Persidangan Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di Jakarta bulan lepas.

Perdana Menteri berkata dasar bahasa di negara ini tidak berubah daripada dasar yang digunakan sejak dulu lagi iaitu kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi manakala bahasa Inggeris menjadi bahasa kedua untuk tujuan perdagangan dan ilmu.

Kepada soalan sama ada iklan dalam bahasa Inggeris akan terus dibenarkan di televisyen, beliau berkata memandangkan bahasa Inggeris merupakan bahasa komersil, terpulanglah kepada pengiklan untuk menggunakan bahasa itu jika (mereka) beranggapan ia dapat menjual barangan mereka.

+Saya tak fikir bahawa ada syarikat yang sengaja hendak membuat iklan yang orang tidak faham, kerana iklan bertujuan menarik perhatian... sebab itu tidak ada iklan dalam bahasa Rusia dan Perancis kerana barangkali ramai tidak faham,+ katanya.

Menteri Kewangan dan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang hadir pada persidangan akhbar itu, berkata polemik mengenai bahasa itu dibincangkan dengan panjang lebar kerana Majlis Tertinggi tidak berpuas hati dengan kecenderungan golongan berkenaan untuk cuba menimbulkan kesangsian rakyat terhadap ketegasan kerajaan dalam soal bahasa. -- Lagi

▼03/10/16-33MST

bah

Mahathir - bahasa 3 Kuala Lumpur

Anwar berkata sementara kerajaannya tidak merubah dasar terhadap kedudukan bahasa Melayu, penggunaan bahasa Inggeris perluditingkatkansesuai dengan keadaan ekonomi dan perdagangan antarabangsa.

+Kita tidak harus bersikap bermaaf sehingga dibangkitkan soal sama ada salah atau tidak pemimpin negara menggunakan bahasa Inggeris dalam majlis antarabangsa yang melibatkan penyertaan orang asing, + katanya.

Dalam persidangan akhbar itu, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, yang juga Setiausaha Agung UMNO, menjelaskan bahawa wawancara Dr Mahathir dengan stesen Rajawali Citra Televisi Indonesia (RCTI) itu dilakukan dalam bahasa Inggeris atas kehendak pihak televisyen itu bagi faedah deleyasi NAM dan masyarakat asing di Jakarta.

+Bukan Perdana Menteri tidak mahu bercakap dalam bahasa Malaysia tetapi menjadi kehendak stesen televisyen itu membuat wawancara dalam bahasa Inggeris, + katanya. -- Lagi

▼03/10/16-45MST

CNS1596

U GB 03-10 00165 BA825

bah

Mahathir - bahasa 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri hanya tersenyum ketika ditanya sama ada beliau akan meminta akhbar berkenaan meminta maaf secara terbuka kerana mendakwa kononnya beliau adalah yang mahukan wawancara itu diadakan dalam bahasa Inggeris.

Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Bafidah Aziz, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mencelah menyatakan tindakan meminta maaf itu sepatutnya dibuat tanpa perlumenunggu Perdana Menteri.

Anwar pula berkata: +Saya fikir kalau media bertanggungjawab. ..kalau dia lakukan kesilapan. sepatutnya dia minta maaf. +

Seorang lagi Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Sanusi Junid, yang juga Menteri Pertanian, berkata akhbar itu perlu meminta maaf kerana ia telah menyatakan untuk berbuat demikian jika ternyata membuat kesilapan dan akan mendiamkan sahaja jika ia benar.

+Sekarang ternyata ia silap tetapi berdiam, + katanya.

Ekoran tindakan akhbar itu mempertikaikan keikhlasannya terhadap soal bahasa Melayu, Dr Mahathir telah menulis kepada pengarang Kumpulan Utusan yang kemudiannya menyiarkan penuh suratnya pada 19 Sept. -- Bernama

▼03/10/17-20MST